



NORMAL
BAHARU

PERPINDAHAN LOKASI PASAR MALAM

DI TAMAN KOTA JAYA KE JALAN DELIMA, TAMAN KOTA JAYA 2

Adalah dimaklumkan bahawa Pasar Malam Taman Kota Jaya akan dipindahkan ke kawasan Jalan Delima, Taman Kota Jaya 2 mulai **12/06/2020 (Jumaat)**. Manakala Pasar Sehari (Pasar Borong) di kawasan Industri Jalan Johor akan beroperasi mulai **12/06/2020 (Jumaat)**. Sehubungan itu, terdapat SOP yang perlu dipatuhi oleh peniaga dan pengunjung iaitu:

PENIAGA

1. Waktu operasi adalah jam 4.00 petang hingga 10.00 malam bagi pasar malam. Manakala pasar sehari adalah jam 6.00 pagi hingga 11.00 pagi.
2. Susunan antara gerai ke gerai sejauh 2 meter.
3. Pemeriksaan suhu badan di pintu masuk dan sanitasi tangan menggunakan “hand sanitiser”
4. Peniaga **DIWAJIBKAN** menggunakan aplikasi My Sejahtera.
5. Peniaga perlu memakai apron, sarung tangan dan pelitup muka.
6. Penggunaan polisterina adalah **TIDAK DIBENARKAN** dan digantikan dengan produk ‘biodegradable’ yang lebih mesra alam.

PENGUNJUNG

1. Memastikan penjarakan sosial minima 1 meter antara pengunjung.
2. Pemakaian pelitup muka.
3. Pemeriksaan suhu badan di pintu masuk dan sanitasi tangan menggunakan “hand sanitiser”
4. Pengunjung **DIWAJIBKAN** menggunakan aplikasi My Sejahtera.
5. Kanak-kanak dan warga emas **TIDAK DIGALAKKAN** berada di pasar.

Kerjasama dan perhatian tuan/puan amatlah dihargai dalam memastikan langkah-langkah pencegahan dan kawalan COVID-19.

**DENGAN PERINTAH:
YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
Tarikh dikemaskini: 8 Jun 2020**